

NO SOALAN : 59

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA,**

**PENGGAL KEENAM, PARLIMEN KETIGA BELAS,**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : LAKSAMANA PERTAMA HAJI  
MOHAMAD IMRAN BIN ABDUL  
HAMID (B)  
(LUMUT)**

**TARIKH : 28.03.18  
(RABU)**

**SOALAN:**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan bahawa elaun khas warga ATM dan PDRM yang bertugas di pulau-pulau akan dinaikkan daripada RM16 sehari kepada RM100 sehari.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Anggota ATM yang bertugas di kawasan sukar seperti kawasan Gugusan Semarang Peninjau (GSP) dan kawasan operasi persisiran pantai diberikan Bayaran Insentif Tugas Stesen Luar Pantai (BITSLP). Bayaran insentif ini telah pun dinaikkan kadarnya dari RM8 sehari kepada RM16 sehari mulai 1 Januari 2015.